



NEGERI MELAKA

## **Warta Kerajaan**

DITERBITKAN DENGAN KUASA

***GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE***

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 45  
No. 14

**12hb Julai 2001**

*TAMBAHAN No. 6  
PERUNDANGAN*

---

---

### **M. P.U. 6.**

#### **ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (NEGERI MELAKA) 1991**

#### **FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30**

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Negeri Melaka menurut subseksyen 30(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 [*Enakmen No. 5 tahun 1991*] selepas dipertimbangkan dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut subseksyen 33(6) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991, dan disiarkan menurut subseksyen 30(1) Enakmen itu.

#### **TARIKAT ZIKRULLAH HASAN ANAK RIMAU DAN AYAH PIN**

1. Adalah ditetapkan bahawa ajaran Tarikat Zikrullah Hasan Anak Rimau atau Ayah Pin didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, orang Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.

2. Orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan ajaran Tarikat Zikrullah Hasan Anak Rimau atau Ayah Pin di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Bertarikh 2 Julai 2001.

Dated 2 July 2001.

[PMM/0007 Jld. 3(27); PUN(M)351/27]

DATUK HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH

*Mufti,*

*Negeri Melaka*